

Seret jawapan yang berada di dalam kotak ke ruangan kosong bagi setiap ayat.

tertanya-tanya	berkali-kali	bertandan-tandan	berlorek-lorek	terjengket-jengket
berpinar-pinar	bermati-matian	memandai-mandai	berseri-seri	meronta-ronta
berpada-pada	mensia-siakan	beropol-ropol	membeza-bezakan	berpasang-pasangan

1. Pengantin perempuan itu memakai pakaian yang _____ pada bahagian bawah kainnya.
2. Pandangan saya _____ apabila keluar dari gua yang gelap itu.
3. Walaupun sudah _____ ditegur, Adam masih melakukan kesilapan yang sama.
4. Lembu itu _____ apabila hendak ditambat oleh ayah di batang pokok.
5. Rusyaidi _____ untuk mengambil kunci rumah yang terletak di atas rak yang tinggi itu.
6. Wajah Puan Izzah semakin _____ setelah mendapat seorang cahaya mata perempuan.
7. Pak Arif menjual _____ pisang nipah kepada pengusaha kerepek yang berasal dari Johor itu.
8. Sofea tidak _____ biasiswa yang diberi oleh kerajaan semasa menuntut di luar negara.
9. Bahagian yang _____ pada peta itu menunjukkan kawasan tadahan hujan.
10. Kita harus menghargai jasa para pejuang kemerdekaan yang _____ menentang penjajah.
11. Dania _____ siapakah pemilik kereta mewah yang ada di tempat letak kenderaan itu.
12. Puan Liyana tidak pernah _____ anak-anaknya sama ada mereka berjawatan tinggi atau tidak.
13. Murid-murid itu _____ semasa menari tarian tradisional di dewan sekolah.
14. "Buat baik biarlah _____ supaya tidak memakan diri sendiri," nasihat ayah kepada saya.
15. Khairah marah kerana Khairul _____ memberi nombor telefonnya kepada orang yang tidak dikenali.